

# Malaysia tawar biasiswa kepada pelajar Palestin

> Tajaan RM11.4 juta beri peluang lanjut pengajian di 12 universiti terkemuka

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@nstp.com.my

## Putrajaya

**K**erajaan bersetuju untuk menawarkan biasiswa kepada pelajar Palestin

bagi menyambung pengajian di 12 universiti terkemuka di Malaysia, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, biasiswa berkenaan ditawarkan kepada pelajar terpilih, melalui Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM).

“Biasiswa ini membolehkan pelajar Palestin melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah di 12 universiti di Malaysia.

“Kepada pelajar Palestin yang dipilih, saya ucapkan tahniah dan selamat maju jaya,” katanya ketika berucap pada majlis terbuka puasa bersama komuniti Palestin anjuran PCOM di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Sai-

fuddin Nasution Ismail; bekas Pengerusi Hamas, Khalid Mas-hal; dan Pengerusi PCOM, Muslim Imran.

## Tajaan keseluruhan

Tajaan biasiswa bernilai RM11.4 juta itu membabitkan AIBukhary International University, Management and Science University (MSU), Universiti Mahsa, Kolej Universiti Islam Perlis dan City University.

Ia turut membabitkan Universiti Multimedia (MMU), Universiti UCSI, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Sunway, Universiti Kuala Lumpur dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Dr Mahathir berkata, beliau juga gembira dengan peranan dimainkan PCOM yang komited dalam menyokong pembebasan Palestin, termasuk membina persefahaman budaya antara Malaysia dan Palestin.

“PCOM memainkan peranan penting dalam membina per-

sefahaman budaya antara Palestin dan Malaysia, meningkatkan kesedaran tentang isu Palestin dan menggerakkan politik sokongan terhadap hak Palestin,” katanya.


Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri mengulangi pendirian Malaysia menyokong perjuangan Palestin dan mengutuk tindakan zalim Israel, terhadap rakyat Palestin.

Beliau berkata, Israel berterusan melanggar undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia, yang mana penempatan haram Israel dibina setiap hari dan rakyat Palestin dinafikan hak mereka daripada memasuki tanah air mereka sendiri.

“Bagi mencapai perdamaian, masyarakat antarabangsa perlu mencari penyelesaian bagi penempatan semula rakyat Palestin di tanah mereka, yang dirampas secara tidak sah oleh Israel.

“Ini sekali gus mampu mem-

FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH



*Dr Mahathir dan Muslim (lima dari kanan) bersama sebahagian penaja pada majlis terbuka puasa bersama komuniti Palestin anjuran PCOM di Putrajaya, semalam.*

han besar-besaran tentera Israel dan pendudukan Israel di tanah Palestin.

## Gesa beri keadilan

“Selagi isu ini berlanjutan dan rakyat Palestin tidak diberi keadilan, konflik di Asia Barat akan berterusan, menjadi tempat melahirkan pengganas dan militan yang kemudian menular di seluruh pelusuk dunia,” katanya.

Dr Mahathir berkata, hampir semua rakyat Malaysia sudah memahami penderitaan yang dialami rakyat Palestin.

“Kita gunakan platform antarabangsa bagi menyatakan suara dan pendirian terhadap kekejaman ini, selain membantah tindakan dilakukan Israel.

“Malaysia juga banyak menyertai misi bantuan antarabangsa menerusi laluan laut dan darat ke Gaza, dengan tindakan ini sebagai peringatan kepada komuniti antarabangsa mengenai penderitaan rakyat Palestin,” katanya.